


**FOKUS**



PEKERJA landasan kereta api maut. - Gambar/Internet



PEKERJA landasan kereta api maut yang sakit dibiarkan mati. - Gambar/Internet

**T**UBUH Mohd Shukri Mohd Zin pasti akan menggigil setiap kali teringatkan pengalaman datuknya dikerah menyiapkan landasan kereta api maut yang juga dikenali Landasan Kereta Api Thai-Burma.

Datuk kepada Mohd Shukri antara ribuan penduduk di Tanah Melayu yang dipaksa membina landasan kereta api maut sejauh 415 kilometer dari Nong Pladuk di Kanchanaburi, Thailand ke Thanbyuzayat di Burma (kini Myanmar) pada 1942.

Tentera Jepun mengerahkan kira-kira 180,000 penduduk Asia dan 60,000 banduan perang sebagai buruh paksa bagi menyiapkan landasan itu yang kemudian digunakan untuk membawa tentera dan bekalan dari Bangkok ke Burma pada kemuncak Perang Dunia Kedua (PD2).

“Datuk saya, Nor Konok, ketika usia remajanya dikerah

bekerja menyiapkan landasan kereta api maut di Thailand oleh tentera Jepun,” katanya.

Katanya, remaja masa kini seharusnya lebih bersyukur dilahirkan selepas zaman Jepun dan mampu melalui kehidupan remaja tanpa ada sedikit pun rasa gusar dalam hatinya.

Tidak seperti remaja yang membesar pada zaman Jepun, anak muda hari ini mampu bermain di kawasan lapang dan berjalan tanpa ada rasa bimbang.

“Rata-rata mereka yang dipaksa membina landasan itu berasal dari Kelantan dan datuk adalah seorang daripadanya yang mampu bertahan dan dihantar pulang selepas landasan itu siap dibina,” katanya.

Landasan kereta api maut itu siap dalam tempoh setahun tetapi mengorbankan 100,000 nyawa.

**Keperitan zaman Jepun**

Mohd Shukri berkata, datuknya pernah

menceritakan penderaan pada zaman pemerintahan Jepun tidak pernah berkesudahan, lebih-lebih lagi ketika dipaksa membina landasan kereta api itu.

Tentera Jepun tidak menyediakan kemudahan yang sempurna selain tiada perkhidmatan perubatan untuk pekerja yang sakit.

“Makanan tidak cukup dan ada yang mati sia-sia kerana penderaan tentera Jepun,” katanya dan menambah, datuknya juga berjuang bersama-sama pejuang Melayu yang terkenal, Tok Jang-

gut ketika pemerintahan British.

Sementara itu, tokoh sejarah Kelantan, Datuk Salleh Mohd Akib berkata, generasi muda perlu tahu keperitan yang dialami ketika zaman penjajahan Jepun.

Azab pekerja landasan kereta api maut itu perlu dijadikan iktibar buat generasi muda.

“Mereka perlu sentiasa diingatkan kerana mungkin penjajahan bentuk baru akan muncul jika semangat patriotisme tidak ditanamkan dalam sanubari gene-

rasi muda.

“Ketika itu ramai rakyat negara ini terpedaya kerana pihak Jepun menawarkan gaji yang lumayan pada awalnya kepada semua pekerja pembinaan landasan kereta api itu.

“Mereka yang tidak mampu untuk bekerja akan dibunuh dengan ditembak atau ditanam dalam sebuah lubang yang kecil,” katanya.

Penderitaan



MENYUSURI sejarah pembinaan kereta api maut dari Nong Pladuk, Kanchanaburi hingga ke Thanbyuzayat, Myanmar. - Gambar Internet

# Iktibar Keperitan zaman Jepun


Generasi muda seharusnya mensyukuri nikmat hidup dalam negara merdeka



KEUNIKAN landasan yang menjadi sejarah ini menarik ramai pelancong asing. - Gambar Internet



SUSUNAN kayu masih utuh dan diselenggara bagi kegunaan akan datang. - Gambar Internet



PEMANDANGAN indah kawasan berdekatan dengan landasan kereta api maut. - Gambar Internet



pada zaman Jepun bukan saja hadir ketika pembinaan landasan kereta api itu tetapi ia berterusan di Tanah Melayu.

"Jepun akan mengganggu anak gadis dan remaja, malah orang ramai tidak dibenarkan berkeliaran di halaman rumah.

"Kadangkala remaja perlu bersembunyi dalam paya beringgu-minggu demi menyelamatkan diri daripada dikesan tentera Jepun," katanya.

**Semai semangat cintakan negara**

Ketua Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah Sains dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Datuk Dr Mohammad Agus Yusoff turut mempersoalkan akan semangat cintakan negara itu adakah benar-benar wujud dalam hati generasi muda kini.

Beliau berkata, generasi muda seolah-olah hidup dalam zon selesa dan keadaan negara yang begitu aman tanpa lagi mempedu-




TANAH perkuburan pekerja landasan kereta api maut. - Gambar Internet



LANDASAN kereta api maut. - Gambar Internet



PENGUNAAN besi antara struktur utama binaan landasan di atas jambatan. - Gambar Internet



KERETA api bergerak menyusuri tepi sungai dan kawasan hutan. - Gambar Internet



BATU peringatan mengenai pembinaan landasan kereta api oleh pihak Jepun. - Gambar Internet



SEBAHAGIAN landasan 'Hellfire Pass' yang masih tinggal. - Gambar Internet

# Tanggung seksaan tak terperi

Mengikut catatan sejarah, selepas penaklukan Jepun di Tanah Melayu dan Singapura pada Februari 1942, negara matahari terbit itu mula merencanakan pembinaan landasan kereta api sejauh 415 kilometer yang membabitkan 60 stesen dari Thailand ke Burma bagi meluaskan penaklukan rantau itu sehingga ke India.

Seramai 68,000 tahanan perang British, Australia, Amerika, New Zealand dan Belanda manakala 200,000 buruh paksa India, China dan Melayu dikerah membina landasan kereta api maut itu.

Sepanjang tempoh tiga tahun pembinaannya, seramai 16,000 tahanan perang maut dan lebih 100,000 buruh dari Asia dilaporkan meninggal dunia atau hilang.

Sepanjang tempoh 1942 hingga 1946, sebanyak 72,000 rakyat negara ini menjadi buruh paksa, na-

mun hanya kira-kira 30,000 orang selamat pulang ke tanah air.

Kebanyakan tahanan yang meninggal dunia disebabkan pelbagai penyakit antaranya taun, malaria, cirit-birit dan keletihan. Hukuman fizikal bagi mereka yang dinilai kerana lalai dalam kerja atau melakukan kesalahan diperlakukan dengan sangat kejam menyebabkan ramai sakit dan tidak dapat bekerja.

Sekitar tahun 1942-1943, kebanyakan tahanan perang terpaksa membina landasan kereta api ini hidup dalam keadaan yang dahsyat. Tahanan bekerja di bawah kudrat yang melampau.

Peralatan yang digunakan untuk menggali tanah dan batu pada kedalaman 20 meter amat terhad. Mereka menggunakan tukul, batang paip keluli, bahan letupan dan penyodok.



PELBAGAI bendera sebagai memperingati mangsa landasan kereta api maut. - Gambar Internet



BATU tanda sebagai kenangan kepada mangsa landasan kereta api maut. - Gambar Internet

likan keperitan pejuang negara yang bermandi darah membebaskan Tanah Melayu ketika zaman penjajahan.

"Di mana mereka ketika ini? Mungkin ramai yang tidak mengetahui sejarah negara dan mungkin ada nama pejuang itu langsung tidak dikenali mereka," katanya.

Beliau berkata, generasi muda kini sibuk berpolitik terutama pelajar universiti tanpa lagi mengingati kisah menyayat hati sejarah silam negara.

"Saya tidak mahu tujukan kepada generasi muda semata-mata tetapi ia juga melibatkan kita semua. Mana semangat mereka ketika ini yang sepatutnya mengadakan program sambutan memperingati kemerdekaan negara?"

"Saya lihat sambutan kemerdekaan semakin lesu. Semua pihak yang sepatutnya dalam tempoh beberapa bulan sebelum kita menyambutnya sudah sibuk merangka program secara gilang-gemilang tetapi apa yang berlaku tidak begitu.

"Kenderaan dan premis



MOHD Shukri.

termasuk kediaman tidak ada Jalur Gemilang yang berkibar megah dan kita patut bimbang semangat itu lama-kelamaan akan luntur," katanya.

**Bukan semua tidak patriotik**

Pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), Siti Zarina Mohd Zahari, 23, berkata, lebih penting baginya ialah bagaimana dapat menabur bakti untuk negara selepas menamatkan pengajian.

"Arwah bapa sering mengingatkan kepada saya

mengenai sejarah negara dan ia memberi kesan kepada saya untuk mengubah diri dan dapat memberi khidmat bakti kepada negara selepas ini," katanya.

Bagaimanapun, dia berpendapat tidak semua generasi muda tidak patriotik seperti yang dikatakan banyak pihak.

"Benar kami tidak berada pada zaman itu tetapi kami juga ada peranan bagaimana mahu menjaga negara mengikut acuan sendiri," katanya.

Bagi seorang pelajar Universiti Malaya (UM), Lee Soon Beng, 22, dia seperti tidak sabar untuk menyambut kemerdekaan negara pada 31 Ogos ini.

"Walaupun saya berbangsa Cina, semangat cintakan negara sangat tebal di hati saya. Biarkan saya menyambut hari kemerdekaan itu dengan penuh berti dengan cara saya sendiri," katanya.

Lee berkata, keluarganya juga mahu kehidupan yang harmoni bersama bangsa lain dan berkata, Malaysia

adalah bumi bertuah buat mereka.

Katanya, remaja perlu sedar perbezaan pada zaman dahulu dan sekarang ternyata amat ketara.

"Keamanan sedia ada ini harus dijaga dan remaja perlu sedar kerana mereka yang akan memimpin negara pada masa depan.

"Tidak mungkin zaman pemerintahan Jepun kita mampu bersekolah seperti zaman sekarang.

"Kita perlu memberi kesedaran melalui pelbagai cara kepada remaja masa kini kerana mereka perlu tahu apa yang dilalui nenek moyang mereka terdahulu," katanya.

Sebelum ini, Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan juga akan memberi lebih fokus kepada golongan muda pada sambutan Hari Kemerdekaan Ke-57 tahun ini.

Pengarahnya, Datuk Makhtar Mustapha berkata, ini bagi menyemai jati diri dalam jiwa golongan muda yang semakin pudar. - BERNAMA